



Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau telah menganjurkan Program Video Pitching Competition – Creativity Unleashed yang melibatkan seramai 225 orang pelajar bahagian 3 program Diploma Pengajian Perniagaan (BA111) pada 23 November 2020 hingga 7 Disember 2020. Pelaksanaan aktiviti Video Pitching Competition – Creativity unleashed ini diadakan bertujuan untuk menambahkan dan meningkatkan pemahaman pelajar melalui penghasilan video kreatif mengenai topik berdasarkan 3 kategori (Kategori Pekerjaan, Hobi dan Sukan) yang telah ditetapkan dan terkandung di dalam kursus Creative and Critical Thinking (MGT315).



**POSTER PROGRAM**


Selain daripada itu, dengan adanya pertandingan ini, ianya dapat meningkatkan kebolehan pelajar untuk menghasilkan video kreatif secara individu. Disamping itu juga, program ini juga dilaksanakan sebagai sebahagian pemarkahan pelajar di dalam aspek

penilaian berterusan kursus MGT315 sebanyak 20%. Pertandingan ini di adakan secara virtual di mana pelajar dikehendaki menghantar video dengan memuatnaik video tersebut di youtube channel dan google drive. Seterusnya pelajar diminta untuk memberikan link video tersebut kepada pihak penganjur dan video pelajar akan diadili oleh pihak juri.

Program ini dipimpin oleh Puan Sutina Binti Junos dan dibantu oleh beberapa orang ahli jawatankuasa di kalangan pensyarah di Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Rembau. Manakala, program ini dinilai oleh seramai 20 orang juri yang terdiri daripada pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Rembau dimana seorang juri dikehendaki mengadili sebanyak 11 buah video pelajar mengikut rubrik pemarkahan yang telah disediakan. Semua juri berpuas hati dengan video yang dihasilkan oleh pelajar kerana video tersebut sangat kreatif dan menepati kriteria pemarkahan. Tarikh Pengumuman pemenang adalah pada 7 Disember 2020 dan senarai pemenang dimaklumkan melalui whatsapp group kelas masing – masing.

Tempat pertama untuk pertandingan ini telah dimenangi oleh Iman Nurhaqim bin Hashim dari kumpulan N5BA1113G, tempat kedua dimenangi oleh Nurul Afiqa binti Mohd Azlan dari kumpulan N5BA1113D dan tempat ketiga dimenangi oleh Siti Khodijah binti Mohamad Zin dari kumpulan N5BA1113J.

Secara amnya, program didapati berjalan dengan baik di mana para pelajar secara asasnya memahami matlamat program serta aturcaranya. Dari segi penambahbaikan, program ini dicadang untuk diadakan pada tempoh yang lebih lama agar dapat memberi peluang kepada para pelajar untuk membuat persediaan dan juga untuk memberi peluang kepada juri untuk menilai dengan lebih terperinci.



**CONTOH VIDEO PELAJAR**